

10 NOV 2002

Snap-Wong/I

JAMES WONG TIMBANG RAYU ATAU KE MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Amar James Wong, bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), belum membuat rayuan berhubung tindakan Pendaftar Pertubuhan (ROS) membatalkan pendaftaran parti itu pada Selasa lepas.

Beliau memberitahu Bernama ketika dihubungi di Kuching hari ini bahawa kumpulan yang dipimpinnya sedang menimbang sama ada untuk merayu kepada Menteri Dalam Negeri atau merujuk keputusan pembetulan itu ke mahkamah.

Seksyen 16 Akta Pertubuhan 1966 memperuntukkan tempoh 30 hari dari tarikh keputusan ROS itu bagi rayuan dibuat kepada Menteri Dalam Negeri. Dalam kes ini, tarikh terakhir ialah 5 Dis.

Semasa mengumumkan pembatalan pendaftaran Snap pada Selasa lepas, Pendaftar Pertubuhan Datuk Ismail Dolah Harun, berkata tindakan itu diambil setelah parti itu gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya.

Snap, yang ditubuhkan pada 1961 dan mempunyai 120,000 anggota termasuk empat wakil di Dewan Rakyat dan enam di Dewan Undangan Negeri Sarawak, adalah satu daripada empat komponen Barisan Nasional di Sarawak.

Satu lagi kumpulan dalam parti itu diketuai Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Sarawak, Datuk William Mawan anak Ikom, yang telah menubuhkan sebuah parti baru dinamakan, Parti Demokratik Progresif Sarawak. Pendaftaran parti baru itu diluluskan dua hari lepas.

Wong enggan mengulas mengenai laporan bahawa beliau sedang berusaha menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN berhubung nasib parti itu.

Katanya beliau menyerahkan perkara itu kepada penyokong-penyokongnya.

-- BERNAMA

AT MFJ MAI